



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 87/2025

KBS KOMITED MENANGANI ISU KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN BELIA MENERUSI PROJEK DENGAR RAKAN MUDA

25 OKTOBER 2025

1. **YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan**, telah hadir melancarkan program **Projek Dengar Rakan Muda**, sebuah usaha di bawah inisiatif **Rakan Muda** di bawah gaya hidup **Rakan Prihatin**, hari ini.
2. Inisiatif ini dijalankan menerusi **Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)** dengan kerjasama **UEM Sunrise Berhad** menerusi penyediaan venue di **Publika Shopping Gallery** dan **HELP University** serta **Sedia Bersahabat (The Befrienders) Kuala Lumpur** menerusi penugasan sukarelawan terlatih.
3. **Projek Dengar Rakan Muda** diwujudkan bagi menyediakan **ruang selamat** di mana belia boleh datang untuk berkongsi dan didengari – tanpa penilaian, tanpa stigma, tanpa prejudis dan segala interaksi adalah sulit (*confidential*).
4. Objektif pelaksanaan **Projek Dengar Rakan Muda** adalah seperti berikut:
 - 4.1 menyediakan platform sokongan kesihatan mental dan emosi kepada belia;
 - 4.2 Meningkatkan kesedaran bahawa kesihatan mental adalah sama pentingnya dengan kesihatan fizikal;
 - 4.3 mengurangkan stigma agar belia lebih berani mendapatkan bantuan profesional; dan
 - 4.4 memperkasakan belia sebagai ejen perubahan dalam komuniti mereka sendiri.

5. Sesi akan berlangsung **secara percuma** pada **Sabtu, minggu pertama setiap bulan**, bermula jam **10 pagi hingga 2 petang** di **The Square, Publika Shopping Gallery, Kuala Lumpur**, mulai **1 November 2025**. Maklumat sesi boleh dirujuk di **LAMPIRAN A**.
6. Majlis peluncuran turut diserikan dengan kehadiran YBrs. Puan Chan Hong Jin, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) Kementerian Belia dan Sukan, YBrs. Puan Azura Abidin, Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Encik Hafizuddin Sulaiman, Ketua Pegawai Kewangan UEM Sunrise Berhad, YBrs. Prof Andy Liew Teik Kooi, Naib Canselor HELP University dan YBrs. Puan Etta Chatterjee, Pengerusi Sedia Bersahabat (The Befrienders Kuala Lumpur).
7. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai penganjuran program ini, sila hubungi **JBSN** di talian **03-8871 3245** atau e-mel : jbsn@kbs.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**





The poster features a central yellow speech bubble with the text 'PROJEK DENGAR RAKAN MUDA'. Above it is the Rakan Muda logo with the tagline 'Yakin Boleh!'. To the left is the Malaysian coat of arms and the text 'KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA'. To the right is a megaphone icon. Below the speech bubble is a black box with the hashtag '#KamiSediaMendengar!'. Three green checkmarks are on the left side of the text blocks. The text blocks are: 'PLATFORM SOKONGAN EMOSI DAN SOSIAL SECARA PERCUMA', 'BERLANGSUNG PADA HARI SABTU MINGGU PERTAMA SETIAP BULAN BERMULA JAM 10 PAGI HINGGA 2 PETANG DI THE SQUARE, PUBLIKA SHOPPING GALLERY, KUALA LUMPUR', and 'TARIKH SESI: 1 NOVEMBER 2025 | 6 DISEMBER 2025 | 3 JANUARI 2026'. A yellow banner below says 'TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN DAN PINDAAN'. At the bottom, it lists partners: UEM, publika, HELP University, and BeFriends. The footer contains the website 'www.jbsn.gov.my', social media icons, and logos for JBSN, ASEAN, and MALAYSIA MADANI.

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA

RAKAN MUDA
Yakin Boleh!

PROJEK DENGAR
RAKAN MUDA

#KamiSediaMendengar!

✓ PLATFORM SOKONGAN EMOSI DAN SOSIAL SECARA **PERCUMA**

✓ BERLANGSUNG PADA HARI **SABTU MINGGU PERTAMA**
SETIAP BULAN BERMULA JAM 10 PAGI HINGGA 2 PETANG
DI THE SQUARE, PUBLIKA SHOPPING GALLERY, KUALA LUMPUR

✓ **TARIKH SESI:**
1 NOVEMBER 2025 | 6 DISEMBER 2025 | 3 JANUARI 2026

TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN DAN PINDAAN

DENGAN KERJASAMA:

UEM | publika | HELP University | BeFriends

www.jbsn.gov.my | f | @ | X | v | d | jbsnegara | JBSN | ASEAN | MALAYSIA MADANI